

# KEGANASAN KELUARGA

## Dari Perspektif Psikologi

### Pendahuluan

Perkahwinan merupakan kebahagiaan yang tidak dapat digambarkan oleh pasangan baru. Si suami menganggap isteri adalah intan permata yang sangat berharga dan begitulah sebaliknya. Perkahwinan adalah ikatan yang akan membuahkan rasa kecintaan bahkan saling bekerjasama dan bantu membantu untuk mendidik keturunan. Setiap pasangan yang mendirikan rumahtangga mengharapkan satu perkahwinan yang kekal dan bahagia di sepanjang hayatnya. Kebahagiaan dan keharmonian dalam rumahtangga adalah kunci untuk mencapai setiap kejayaan. Rumah merupakan syurga permulaan untuk membentuk satu keharmonian dan kedamaian mental. Ini memerlukan setiap pasangan dalam rumah untuk saling hormat menghormati, bertanggungjawab dan menyayangi antara sesama ahli keluarga. Namun begitu, sekiranya kebahagiaan yang dicari selama ini menemui "derita" di persimpangan jalan menuju kebahagiaan, akan berakhirnya "kebahagiaan" dan bermulanya episod mimpi ngeri dalam hidup apabila pasangan saling bertindak ganas terhadap pasangan atau ahli keluarganya. Fenomena keganasan keluarga kini menjadi isu hangat yang sering diperkatakan oleh komuniti dan mendapat tempat dikebanyakkan media massa.

Keganasan keluarga bukan satu fenomena yang baru wujud di negara kita malah fenomena keganasan keluarga telah lama wujud di dalam keluarga generasi yang terdahulu. Keganasan keluarga termasuklah penderaan atau penganiayaan terhadap isteri penderaan terhadap kanak-kanak dan penderaan terhadap orang tua. Pada ruangan Belaian 29hb Disember, 1997 yang lepas, saya telah membicarakan tentang penganiayaan terhadap kanak-kanak di dalam institusi keluarga. Kali ini saya ingin menarik perhatian para pembaca Belaian kepada fenomena keganasan keluarga terhadap isteri.

Keganasan keluarga terhadap isteri merupakan satu tingkah laku yang boleh disamakan dengan tingkah laku kriminal di mana mangsa dianiyai secara fizikal dan emosi jika diperparangkan tanpa adanya noktah dipersimpangan jalan, boleh menyumbang kepada kerosakan emosi yang teruk disamping kesakitan penderaan fizikal ke atas tubuh si mangsa yang menjadi mercu tanda kemegahan dan kebanggaan kaum lelaki. Dalam kajian penyelidikan saya berkenaan keganasan keluarga, saya sempat mememuramah beberapa orang isteri yang menjadi mangsa keganasan domestik oleh suami

mereka. Iktulah cerita-cerita ngeri dan menyedihkan ini untuk dijadikan renungan, pengajaran dan kesedaran agar fenomena ini tidak menular dan menjadi kronik di dalam komuniti kita.

### APA ITU KEGANASAN KELUARGA

Untuk menghuraikan akan maksud keganasan keluarga, terlebih dahulu harus difahami akan maksud tiga kata kunci utama iaitu keganasan, keluarga dan keganasan keluarga. Keganasan boleh diertikan sebagai satu bentuk kekejaman atau penganiayaan dengan sengaja sama ada dalam bentuk penganiayaan fizikal, mental, seks, dan pengabaian tanggungjawab.

Institusi keluarga yang terdiri daripada suami, isteri, anak-anak dan ahli keluarga lain yang tinggal di dalam sebuah rumah. Keganasan keluarga pula boleh didefinisikan sebagai suatu kelakuan yang disengajakan untuk mendera orang lain serta membinasakan harta-benda. Keganasan keluarga juga boleh digambarkan sebagai sesuatu kelakuan dengan niat untuk mencederakan secara fizikal terhadap individu yang lain (Steinmetz, 1987). Keganasan keluarga juga didefinisikan sebagai satu bentuk kezaliman atau penganiayaan tanggungjawab. Keganasan dalam keluarga dapat ditakrifkan perbuatan yang termasuk serang (assault), sentuh (battery), gangguan (harrasment), kekejaman fizikal dan mental, penganiayaan seksual atau apa-apa perbuatan pencerobohan atau aniaya. Mengikut perspektif agama Islam, keganasan atau penganiayaan oleh suami digelar sebagai "nusyuz" di mana suami menahak hak isteri seperti nafkah/batin, tidak berlaku adil dalam giliran atau meninggalkan isteri, bersikap garang serta menyeksa dan memukul isteri tanpa alasan. Mengikut Akta Keganasan Rumahtangga 1994 Seksyen 2 "Keganasan Rumahtangga" bererti perlakuan mana-mana perbuatan yang berikut:-

- Secara sengaja atau disedarinya, meletakkan atau cuba meletakkan mangsa itu dalam keadaan ketakutan kecederaan fizikal;
- Menyebabkan kecederaan fizikal kepada mangsa itu dengan satu perbuatan yang diketahui atau yang sepatutnya diketahui akan mengakibatkan kecederaan fizikal;
- Memaksa mangsa itu dengan paksaan atau ancaman untuk melakukan apa-apa kelakuan atau perbuatan berbentuk seksual ataupun selainnya, yang mangsa itu berhak untuk tidak melakukannya;
- Mengurung atau menahan mangsa tanpa kerelaan mangsa itu; atau

e. Dengan niat untuk menyebabkan, atau dengan disedari bahawa ia berkemungkinan menyebabkan kesedihan atau kegusaran kepada mangsa itu, melakukan khianat atau kemusnahan atau kerosakan kepada harta benda.

Kebanyakan keganasan keluarga terhadap isteri berlaku dalam bentuk keganasan fizikal dan psikologikal atau kedua-duanya sekali. Keganasan fizikal melibatkan tindakan seperti pukulan dengan tangan atau menggunakan objek keras/tajam, menumbuk, menikam, menendang dan mencekik. Keganasan fizikal akan membawa kesan psikologikal yang mendalam kepada mangsa.

### TANDA-TANDA MENJURUS KEPADA KEGANASAN KELUARGA

Kadang kala si isteri tidak pasti sama ada mereka ialah mangsa-mangsa penderaan domestik. Kemungkinan mereka tidak pasti sama sekali tentang keganasan keluarga dan tanda-tanda keganasan keluarga. Mungkin anda belum dicerderakan dengan parah atau suami belum pernah memukul selama ini. Perlu diingat bahawa keganasan keluarga bukan sahaja perlakuan keganasan fizikal terhadap mangsa tetapi ia lebih dari itu. Jika suami berbuat sesuatu yang menakutkan anda dan memencilkan diri anda daripada teman-teman dan ahli keluarga anda, anda adalah mangsa keganasan keluarga. Berikut adalah senarai semakan yang boleh membantu memastikan sama ada anda atau individu lain didera.

Adakah suami anda.....

- sering mengkritik anda dan kebolehan anda sebagai isteri?
- berkelakuan berlebihan dalam menjaga anda atau terlalu cemburu?
- mengugut untuk mencederakan anda, anak, binatang kesayangan, ahli keluarga yang lain, sahabat, atau dirinya sendiri?
- mencegah anda daripada melawat keluarga anda atau teman-teman
- bersikap marah tanpa sebab atau hilang kesabaran?
- memusnahkan harta-benda?
- mencegah/menafikan anda kepada sumber-sumber keluarga seperti akaun-bank, kad kredit, atau kereta atau mengawal/menguasai kesemua sumber kewangan dan memaksa anda bertanggungjawab ke atas segala perbelanjaan?
- mengugut atau mengancam atau memperalatkan anda atau anak-anak?
- memukul, menumbuk, menampar, menendang atau mengigit anda?
- menghinakan, memalukan dan

memandang rendah terhadap anda di hadapan orang lain?

• mengadakan hubungan seks secara paksa

Jika anda menjawab "ya" kepada mana-mana soalan yang tersebut di atas, anda boleh dianggap sebagai isteri yang didera oleh suami.

### SENARAI AMARAN-AMARAN KEGANASAN KELUARGA

Senarai amaran ini adalah merupakan tingkah laku yang sering diperlihatkan oleh pendera dan penganiaya. Semua bentuk penderaan dan penganiayaan psikologikal, ekonomi dan fizikal datangnya daripada keinginan pendera untuk menunjukkan kuasanya serta kemampuannya untuk mengawal. Senarai amaran ini boleh membantu dalam mengenal pasti sama ada seseorang isteri itu sedang menghadapi suatu perhubungan yang bersifat keganasan keluarga.

### Menggunakan Ancaman Emosi

Penganiayaan akan menghina si mangsa dengan penghinaan yang boleh mencederakan emosi seperti memaki, menyumpah, menuduh dan seumpamanya. Disamping itu penganiaya akan membuat si mangsa merasa dirinya seperti orang gila. Selain dari itu, si mangsa didesak untuk membuat sesuatu keputusan secara kelam-kabut dan cara menakutkan, mengancam dan mengugut untuk tidak memberi wang, memanipulasi kanak-kanak dan mendesak untuk melakukan sesuatu secara "impromptu". Si penganiaya juga akan menjatuhkan maruah si isteri di hadapan orang ramai tentang hal-hal buruk keluarga dan sahabat si mangsa. >>



### **Personaliti Suami**

Kaum lelaki menganggap diri mereka sebagai golongan yang dominan ke atas kaum wanita dalam rumahtangga yang membolehkan mereka melakukan apa sahaja tanpa sebarang halangan. Lelaki menggunakan kuasa terhadap wanita yang kurang berkuasa dan lemah. Sikap ego dan superior lelaki yang menganggap semua cakap mereka mesti dipatuhi dan ditaati oleh isterinya. Bentuk fizikal isteri yang berbeza juga telah menyebabkan suami mengambil peluang untuk mendera melalui kelemahan isteri dari segi fizikal dan mental.

Begitu juga apabila suami menghadapi kegagalan atau tekanan di luar atau pejabat, si suami akan meluahkan rasa kecewa kepada

### **Menggunakan Privilege Lelaki**

Penganiaya akan menggunakan kuasanya sebagai lelaki untuk menghambakan abdiannya simangsa. Segala keputusan-keputusan di dalam keluarga dibuat oleh si penganiaya sahaja. Isteri atau si mangsa tidak mempunyai suara dalam membuat sebarang keputusan. Penganiaya bersifat seperti Master of the castle.

### **Menggunakan Ancaman Ekonomi**

Mencegah isteri atau si mangsa daripada mendapat kerja atau bekerja. Sipenganiaya mengambil kesemua wang yang ada pada si mangsa dan tidak memberitahu tentang kedudukan kewangan dalam keluarga.

### **Menggunakan Paksaan dan Ugutan**

Menggunakan ugutan untuk melakukan sesuatu kecederaan terhadap si mangsa. Mengugut untuk meninggalkannya, membunuh diri, melaporkan tentang mangsa kepada pihak kebajikan dan memaksa isteri atau mangsa membuat perkara-perkara yang haram dari segi agama dan undang-undang.

### **Menggunakan Intimidasi**

Membuat isteri atau mangsa takut dengan menggunakan air muka, isyarat (gestures), atau perbuatan-perbuatan seperti memecahkan barang-barang kaca di hadapan mangsa, dan mendera binatang kesayangan.

### **Penggunaan Alkohol dan Dadah dan Kaki Judi**

Penggunaan alkohol sering dikaitkan dengan asimilasi tingkahlaku agresif. Ini biasanya berlaku dalam golongan yang berpendapatan rendah yang kerap menerima tekanan hidup. Apabila suami meminum alkohol secara berlebihan dan

pertimbangan rasional tidak lagi dapat mengawal diri maka akan berlakulah penderaan terhadap orang yang paling rapat dengannya iaitu isteri. Ketagihan dadah serta kaki judi juga boleh menyebabkan berlakunya keganasan terhadap isteri sendiri. Apabila mabuk akan mencetuskan pergaduhan atau konflik yang berkisar mengenai isu kewangan, peranan isteri, reaksi dan sebagainya.

### **Cemburu Yang Berlebihan**

Suami yang terlalu "overprotective" terhadap isterinya sering menghadapi cemburu yang berlebihan khususnya kepada isteri yang bekerja. Isteri yang bekerja adalah lebih bebas dalam pergaulan mereka. Suami yang tidak dapat menerima hakikat ini boleh mendorong kepada keganasan terhadap isteri seperti memukul, menampar dan menendang.

### **Campurtangan Keluarga**

Campurtangan ibu bapa mertua dalam urusan rumahtangga anak dan menantu juga boleh membawa satu hubungan yang tidak menyenangkan antara suami dan isteri. Perbandingan antara suami dan isteri. Perbandingan antara menantu, campurtangan kuasa dalam keluarga atau memandang rendah akan menyebabkan jiwa suami akan tertekan dan ini akan menyebabkan perbalahan dan pergaduhan antara suami dan isteri.

### **Perselisihan Faham**

Masalah perselisihan faham sering terjadi di antara suami isteri akibat kurang berkemahiran berkomunikasi. Apabila timbul sebarang konflik dalam rumahtangga, seringkali kata-kata kesat dan negatif yang diucapkan untuk tujuan menyakitkan hati dan masing-masing ingin menunjukkan superioritinya. Ia merupakan leteran, serangan lisan terhadap trait-trait personaliti pasangan atau kegiatan pasangan.

### **Pengalaman Dan Pembelajaran di Zaman Kanak-Kanak**

Suami yang pernah didera oleh ibu bapanya semasa dizaman kanak-kanak boleh membentuk tingkah laku mendera seseorang dewasa melalui peniruan dan pembelajaran dan teladan yang ditunjukkan oleh ibu bapanya sewaktu kecil. Minda kanak-kanak yang telah dicemari oleh penderaan bapa terhadap ibu memberi mesej yang jelas bahawa penderaan itu merupakan salah satu hukuman yang diiktiraf dan dibolehkan. Justeru itu, hukuman tersebut akan diperturunkan ke atas isterinya bila dia berumah tangga kelak.

### **Keengganan Membenarkan Suami Beristeri Lebih Daripada Satu**

Suami yang menginginkan isteri lebih dari satu akan mendapat tentangan yang hebat dari isteri. Isteri akan menentang sekeras-kerasnya niat suaminya untuk berkahwin dua. Perbalahan dan konflik ini boleh menjurus kepada keganasan keluarga. Suami yang tidak puas hati dengan tindakan isterinya yang tidak membenarkannya berkahwin dua akan menggunakan kuasa fizikalnya ke atas isteri seperti memukul, menampar sama ada dengan menggunakan tangan untuk meleraikan tekanan dan dendam akibat perbalahan dan konflik tersebut.

### **Suami Mempunyai Hubungan Sulit**

Isteri yang mendapati suaminya mengadakan hubungan sulit dengan wanita lain sudah tentu tidak mahu berdiam diri sahaja. Isteri akan meninggikan suara dan sering memarahi suaminya dan bersikap dingin. Ini menyebabkan suami akan tertekan dan menyumbang kepada keganasan secara fizikal terhadap isteri.

### **Masalah Kewangan**

Kedudukan kewangan yang tidak kukuh dan sikap isteri yang suka memintaminta akan menyebabkan jiwa suami akan merasa tertekan. Bagi mengatasi masalah ini suami akan menggunakan kata-kata kesat, herdikan atau pukulan bagi mengatasi tekanan.

### **Mementing Kepuasan Seks**

Suami yang mementingkan kepuasan diri dalam hubungan kelamin juga dikenalpasti sebagai punca kepada keganasan keluarga. Suami yang mempunyai nafsu seks yang tinggi akan menggunakan kuasa dominannya dengan bersifat "sadist" iaitu menyiksa isteri untuk mendapatkan kepuasan seks dengan cara memukul, mengikat dan merogol. Perbuatan ini akan diulangi untuk mendapat kepuasan seks. Ini menyebabkan isteri sering menjadi mangsa keganasan seks.

### **Personaliti Isteri**

Sikap isteri yang selalu berleter dan banyak mulut selalunya akan memberi banyak ruang kepada berlakunya keganasan dalam keluarga. Suami akan berasa bosan dan cepat marah apabila mendengar leteran isteri yang tidak berhenti kerana suami menganggap dirinya mempunyai kuasa dominan di rumah.

## **MENANGANI KEGANASAN KELUARGA MENGKUT GARIS-GARIS YANG DITETAPKAN OLEH ISLAM**

### **Memberi Nafkah Zahir dan Batin**

Nafkah zahir termasuklah tempat tinggal bersama iaitu rumah yang selesa

dan aman. Manakala batin pula perhubungan intim suami isteri hendaklah adil dan tidak mementingkan kepuasan diri sahaja.

### **Keperluan Asas**

Keperluan asas hidup iaitu makanan, pakaian dan peralatan yang munasabah dan selayaknya menurut kemampuan suami.

### **Pergaulan Yang Baik**

Bergaul dengan isteri dengan baik, mesra dan penuh kasih sayang.

### **Menegakkan Konsep Keadilan**

Hendaklah berlaku adil sekiranya suami itu mempunyai isteri lebih daripada satu.

### **Kesabaran**

Suami berkewajipan menahan diri daripada menyakiti, berlaku kasar dan sebarang perbuatan yang memudaratkan isteri tanpa sebarang sebab.

## **KESIMPULAN**

Sebagai kesimpulannya, keganasan keluarga ini biasanya berlaku dan dilakukan oleh ahli keluarga sendiri. Pemangsa akan mengancam mangsa dari sudut fizikal dan mental yang cukup membuat perasaan dan emosi mangsa tertekan. Sekiranya keganasan keluarga ini tidak dibendung dan diatasi, fenomena ini akan meninggalkan kesan terhadap anak-anak, isteri atau suami malahan terhadap komuniti. Kesan yang serius akan menghapuskan sikap kasih sayang, toleransi dan hormat-menghormati sesama manusia.

Berilah si isteri haknya sebagai isteri dan bukan sebagai budak suruhan atau sebagai babu dan bukan seperti patung semata-mata untuk memuaskan nafsu. Hendaklah juga bersifat terus-terang kepada isteri kerana jika dibohongi, dia juga akan mendustai suaminya pula. Bagaimanapun jangan terlalu mengikut kehendak isteri hingga menjatuhkan maruah diri. Ini bermakna kita perlu kembali kepada satu bentuk kawalan sosial yang ampuh untuk membendung fenomena ini iaitu "Keimanan dan Ketagwaan".

Sebagai mengakhiri ruangan kali ini ingin saya memetik sabda Baginda Rasulullah s.a.w yang bermaksud: 'Orang yang paling baik antara kamu ialah orang yang berlaku baik terhadap isterinya dan aku ialah orang yang sangat berlaku baik terhadap isteriku'. Menggunakan Pemencilan

Mengawal segala gerak-geri dan perbuatan simangsa, dengan siapa dia berjumpa dan bercakap, apa yang dibacanya seperti majalah, suratkhbar, ke mana dia pergi dan meminima kegiatan luar mangsa.